



■ LAPORAN Harian Metro, 22 Jun 2024.

JALAN PETALING

DBKL ambil tindakan

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan terus memantau, menyasiat dan mengambil tindakan sewajarnya ke atas kesalahan dilakukan peniaga dan penjaja di Jalan Petaling.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa berkata, tindakan penguatkuasaan atau Operasi Roboh yang dilaksanakan di sekitar kawasan Jalan Petaling adalah bertujuan memastikan jalan, lorong serta siar kaki yang dikhaskan bagi kegunaan dan laluan orang awam bebas daripada halangan atau struktur tambahan.

“Halangan yang disebabkan oleh penjaja atau pemilik perniagaan bukan saja mengecilkan ruang laluan pejalan kaki atau menutup terus lorong belakang premis, ma-

lah menyebabkan kerja pembersihan oleh petugas pember-
sihan

seperti Alam Flora dan SWCorp untuk dilaksanakan,” katanya dalam jawapan bertulis di Parlimen, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan **Fong Kui Lun (PH-Bukit Bintang)** mengenai langkah seterusnya selepas operasi pembersihan dan perobohan struktur haram serta pelan penambahbaikan di Jalan Petaling.

Dr Zaliha berkata, pembabitatan dan kerjasama daripada jabatan dalam DBKL akan terus dipergiatkan bagi memastikan kerja menaik taraf, pengindahan lorong belakang Jalan Petaling dapat dilaksanakan lebih terancang dan menyusun atur semula penjaja berlesen ke lokasi lebih sesuai.

“Ia seterusnya menjadikan kawasan Jalan Petaling

lebih menarik, sistematik dan menjadi tumpuan ramai pengunjung serta pelancong,” katanya.

Pembabitatan dan kerjasama jabatan dalam DBKL akan terus dipergiatkan